



الجامعة الإسلامية العالمية

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
(UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA)



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بَوَيْتِ رَبِّنَا إِنَّا بِمَا نُرِيهِمْ أَشِدَّاءُ يَاجِبُونَ جِلْدَيْنَا

الجامعة الإسلامية العالمية

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

KUMPULAN KES NAFKAH DALAM MAHKAMAH SYARIAH

M E S I R

TAHUN 1355 - 1357 H

TAHUN 1936 - 1938 M

A
L
E
H

B
A
H
A
S
A

OLEH

HAJI MAT IDRIS BIN YUSOFF

DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
SESSI 89/90

PROFESSOR MEDIA ABDULLAH ABU BAKAR
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

Dr. Mahmud Saedon Awang Osman

Senior Lecturer (Academic), Fac. of Law,

Date Received (Date) 22/8/90

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya Kehadrat Allah yang telah menaburkan ilmu pengetahuan kepada hambanya, dengan ilmu manusia dapat memahami masalah dan menyelesaikannya untuk kesempurnaan hidup manusia. Dan dengan kerja-kerja terjemah ini saya harap semuga dapat memberi munafaat kepada masyarakat Islam di negara ini.

2. Oleh itu saya ucapkan setinggi terima kasih kepada Tuan Professor Madya Abdullah bin Abu Bakar selaku Penyelia Kertas Projek ini yang telah banyak meluangkan masa, membimbing saya dalam menjayakan kerja-kerja ternemahan ini. Tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah, tutor-tutor di Fakulti Undang-Undang di Universiti Islam Antara Bangsa, yang telah mencurahkan ilmu pengetahuan kepada saya dengan begitu ikhlas, juga kepada kakitangan perpustakaan Universiti Islam Antara Bangsa yang telah memberi kemudahan untuk saya membuat rojokan kepada Kitab-Kitab bagi menyiapkan Kertas Kerja ini. Seterusnya kepada Encik Jauhar bin Omar AK., PPB., Pejabat Kadi Besar, Kelantan yang telah memberi kerjasama dan sumbangan tenaga yang berat untuk menaip Kertas Kerja ini.

Dengan segala pengorbanan yang ikhlas dari pehak-
pehak yang terlibat itu kita berdoa agar Allah
jualah yang membalasnya.

Sekian Wassalamu alaikum.

SEPATAH KATA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على رسول الله
وخاتم النبيين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه اجمعين
لهم يا احسان الى يوم الدين .

Bersyukur saya kepada Allah yang telah mentakdirkan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam menterjemah kes nafkah yang berlaku di Negeri Mesir, daripada bahasa Arab kedalam bahasa Malaysia. Pada mulanya tidak jelas kepada saya sejauh mana pentingnya kerja-kerja terjemahan kepada saya, dan kepada masyarakat. Tetapi setelah usaha-usaha terjemahan dilakukan jelaslah kepada saya betapa pentingnya ilmu yang saya dapati dalam usaha terjemahan itu kepada diri saya juga kepada masyarakat, khususnya kepada pegawai-pegawai yang bertugas dalam bidang perundangan Islam.

2. Dengan secebis ilmu yang dikurniakan oleh Allah kepada saya sudah tentu terdapat banyak kelemahan-kelemahan dalam terjemahan ini, oleh itu saya berharap kepada pembaca semuga jadikanlah ruang-ruang kelemahan sebagai tangga untuk membena yang lebih sempurna lagi.

3. Walau pun terjemahan ini tidak begitu sempurna tapi saya rasa satu kejayaan bagi diri saya kerana saya dapat menanam sedikit saham kedalam ruang yang masih luas dan kosong dibidang terjemahan kes-kes di Mahkamah Syariah kedalam bahasa Malaysia. Setakat ini ternyata bahawa sebahagian besar ruang didalam bilik-bilik bacaan di negara kita Malaysia dipenuhi dengan lapuran-lapuran kes yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan kes itu berlaku di Mahkamah Awam.

4. Untuk memudahkan pembaca memahami kedudukan fakta kes dan alasan-alasan kehakiman, saya menulis dengan susunan bernombor, walau pun dalam tek asalnya tidak memakai nombor, walau bagaimana pun ianya tidak lari dari maksud asal. Begitu juga dengan teknik dan penyusunan telah diubah suai supaya selaras dengan penyusunan yang disusun oleh Mahkamah dinegeri ini. Dan akhir buku ini dikembarkan bersama tek asal yang terdapat dalam Majallah Al-Muhamah dalam bahasa Arab untuk memudahkan para pembaca merojok kepadanya sekiranya timbul kekeliruan istilah yang digunakan dalam bahasa Malaysia.

Akhirnya saya memohon ampun kepada Allah diatas
kelemahan saya dan saya sedar bahawa ilmu yang
ada pada saya hanya sedikit sahaja firman Allah
didalam Kitab Suci Al-Quran:

وما أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا .

Maksud tidaklah diberi ilmu kepada kamu kecuali
sedikit sahaja.

Sekian.

HAJI IDRIS BIN HAJI YUSOFF
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH
UNIVERSITI ISLAM ANTARA BANGSA
SESI TAHUN 89/90

Pada: 20hb. May, 1990
25hb. Syawal, 1410

PENDAHULUAN.

المحمد لله الذي هدانا الى صراط مستقيم .
والصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى آله واصحابه ومن تبع دعوته الى يوم الدين

Sebelum kita mengikuti aturcara pembicaraan dalam kes nafkah yang dijalankan oleh hakim-hakim Islam di Mahkamah Syariah Mesir, adalah munasabah jika terlebih dahulu kita merenung sepintas lalu kewajipan dan tanggung-jawab yang telah ditetapkan oleh syarak berhubung dengan nafkah.

2. Nafkah adalah suatu kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah keatas kaum lelaki, sesuai dengan kejadian kaum lelaki yang telah dijadikan Allah lebih daripada kaum perempuan dan orang lelakilah selaku ketua atau pelindung terhadap sesuatu keluarga, perman Allah dalam Kitab Suci

Al-Quran: الرجال قوامون على النساء
بما فضل الله بعضهم على بعض، وبما انفقوا
من اموالهم - انشاء آية 34 -

Artinya kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggung-jawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan dengan beberapa keistimewaan keatas kaum perempuan dan kerana orang lelakilah yang membelanjakan

(memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda dalam Khatbahnya semasa hajjatul widad katanya;

اتقوا الله في النساء فانهن عندكم عوار
لا يملكن لانهن شيئا، ولهن عليكم
كسوتهن ورزقهن بالمعروف.

Artinya takutlah kamu kepada Allah berhubung dengan orang perempuan. Sesungguhnya mereka itu fawanan disisi kamu, mereka tidak memiliki sesuatu, oleh itu kewajipan kamu memberi makan pakai dengan sempurnanya.

3. Jika seseorang lelaki mempunyai harta tetapi ia tidak membelanjakan terhadap isteri dan anak-anaknya, harus bagi isterinya mengambil harta suami untuk dibelanjakan mengikut kadar yang berpatutan sebagaimana berlaku cerita Abu Supian iaitu Hendong binti Utbah isteri Abu Supian datang mengadu kepada Rasulullah katanya: Suami saya; Abu Supian seorang yang kedekut, dia tidak memberi wang untuk belanja diriku dan anak-anakku dan terpaksa aku mengambil harta secara tidak diketahui olehnya. Rasulullah bersabda: Ambillah hartanya sekadar mencukupi untuk belanja diri kamu dan anak-anak kamu, dengan tidak melampaui atau berkurangan (نيل الأوطار
Juzuk 6 Muka 262).

Jika seseorang suami telah menceraikan isterinya, tapi Islam masih lagi mewajibkan keatas suami menanggung nafkah selagi edah belum tamat, perman Allah dalam Al-Quran:

اسكنوهن من حيث سكنتم من وجدكم ولا تضاروهن ليضيقوا عليهن - الطلاق آية 6 -

Artinya, tempatkanlah isteri kamu (yang menjalani edah) itu ditempat kediaman seperti kamu, sesuai dengan kemampuan kamu, dan janganlah kamu menimbulkan sesuatu yang menyakiti mereka dengan tujuan untuk menyusahkan kedudukan mereka.

4. Daripada Ayat-Ayat dan hadith-hadith diatas jelaslah bahawa Syari'at Islam mewajibkan keatas orang lelaki untuk menanggung nafkah kepada isteri, dan anak-anaknya. Kewajipan nafkah terhadap isteri disebabkan isteri terpenjara oleh kepentingan suami, dan mengikut kaedah umum dalam syariat Islam ialah "Setiap orang yang terpenjara atau terikat bagi kepentingan orang lain maka orang yang mempunyai kepentingan itu wajib menanggung nafkah". Dari ayat dan hadith tersebut difaham juga bahawa dimaksud dengan nafkah itu ialah memberi makan pakai dan tempat tinggal. Manakala kewajipan seseorang menanggung nafkah anaknya disebabkan anaknya itu *fa'*berupaya untuk menanggung dirinya sendiri kerana masih lemah tubuh badan

dan daya pemikiran untuk menchar: nafkah dirinya.

Kadang kala kewajipan nafkah ini diwajib juga keatas seorang anak untuk ibu bapanya yang tidak mempunyai harta, sebagaimana perman Allah:

واعبدوا الله ولا تشركوا به شيئاً وبالوالدين
احساناً وذى القربى واليتامى والمساكين ،
والجار ذى القربى ، والجار الجنب ، والصاحب
بالجنب . وابن السبيل ، وما ملكت ايمانكم
- النساء آية 36 -

Artinya dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan sesuatu pun. Dan hendaklah kamu membuat baik kepada dua ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, orang musafir yang terlantar dan juga hamba sahya yang kamu milik. Dalam ayat ini memberi maksud hamba sahya yang dimiliki itu sama diwajibkan memberi nafkah kepada mereka oleh orang yang memilikinya sebagaimana seorang anak wajib diatasnya memberi nafkah kepada ibu bapanya.

5. Kewajipan membayar nafkah kepada isteri tidak terhenti, kecuali apabila isteri itu telah melakukan nusuz terhadap suami. Apabila seseorang isteri melakukan nusuz terhadap suami maka nafkahnya

terhenti selama ia nusuz itu, tapi wajib pula apabila isteri itu kembali taat semula kepada suaminya. Sekiranya suami itu tidak menunaikan kewajipan itu secara yang lazim ketika itu seseorang isteri bolehlah menuntut haknya dihadapan Kadi atau Mahkamah bagi mendapat perintah keatas suami supaya menunaikan kewajipannya. Tuntutan ini boleh juga dibuat oleh mereka yang berhak atau berkepentingan kepada nafkah anak dan dua ibu bapa. Jika sekiranya orang yang berkewajipan itu masih enggan setelah diperintah oleh Kadi untuk memberi nafkah, Kadi boleh bertindak untuk ditahan dalam penjara apabila dipersetujui oleh pihak yang berhak menerima nafkah, dan sekiranya orang itu mempunyai harta maka Kadi boleh menjual hartanya sekadar mencukupi untuk membayar nafkah, kerana nafkah yang tidak dijelas itu merupakan hutang dan mana-mana orang yang terhutang, apabila ianya enggan menunaikan hutangnya haruslah bagi Kadi menjual daripada hartanya bagi maksud menunaikan hutangnya sama ada disukai atau tidak.

6. Mengikut pandangan Islam jika suami yang tidak membayar nafkah itu miskin, ada dua pendapat

Ulamak:-

1. Mengikut mazhab Shafee sekiranya si-suami orang yang miskin atau papa, maka berhaklah bagi isteri menuntut fihak nikah mereka dan apabila sabit bagi Kadi dengan dua orang saksi atau ilmu Al-Qadi atau sumpah mardudah atas isteri, menunjukkan suaminya tidak mampu memberi nafkah kepada isteri, maka bolehlah Kadi mempasahkan nikah suami isteri itu mengikut syarat yang ditetapkan.

2. Mengikut mazhab Hanafi suami tidak boleh di-
Fasahkan dengan sebab suami miskin atau papa, maka Kadi boleh memfardu atau memerintahkan suami membayar nafkah keatas isteri dan Kadi boleh membenarkan isteri berhutang sekadar yang difardukan oleh Kadi dan hutang itu dikenakan keatas suami membayarnya. Sekiranya tidak ada orang yang hendak memberi hutang kepadanya Kadi boleh memaksa waris yang dekat, iaitu waris yang wajib menanggung nafkah sekiranya yang perempuan itu tidak bersuami. Sekiranya waris itu enggan memberi nafkah, Kadi boleh memperjarakan waris itu.

7. Dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan No. 1 Tahun 1983 terdapat peruntukan, memberi kuasa kepada Kadi untuk memerintah seseorang suami memberi nafkah

keatas isteri dan anaknya, serta memerintah mana-mana orang yang wajib nafkah mengikut Hukum Syarak, supaya memberi nafkah kepada mana-mana orang yang tidak terdaya sepenuhnya atau sebahagiannya dari mencari nafkah oleh sebab kerusakan otak atau jasmani atau tidak sehat atau berpenyakit. Maka dengan adanya peruntukan ini ordinan nafkah perempuan bersuami dan kanakkanak 1950 tidak terpakai lagi, bagi orang-orang Islam di Negeri Kelantan.

8. Orang-orang perempuan dan mereka yang berhak mendapat nafkah mengikut hukum syarak, boleh menuntut di Mahkamah Syarak, mengikut enakmen ini untuk mendapat hak-hak mereka melalui perintah Mahkamah, apabila orang yang wajib menanggung nafkah itu tidak menunaikan kewajipannya.

9. Mengikut Seksyen 102 Enakmen Keluarga Islam Kelantan No. 1 Tahun 1983, memperuntukkan, jika sesuatu perintah nafkah telah dibuat oleh sesuatu Mahkamah dan seseorang yang diperintahkan itu dengan sengahaja gagal mematuhi perintah itu, maka Mahkamah bolehlah mengenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan bagi tiap-tiap bulan nafkah yang maseh belum dibayar. Mahkamah Syariah juga maseh

memakai Akta No. 6 1968 bagi memotong pendapatan tenaga orang yang keatasnya nafkah diperintahkan, dengan memerintahkan majikan-majikan mereka memotong pendapatan orang itu bagi menyempurnakan perintah Mahkamah keatas orang itu, inilah peruntukan yang diamalkan dan dipakai di negeri pada masa ini.

K A N D O N G A N

Bil	Tajek	Muka surat
1.	Penghargaan	i
2.	Sepatah kata	ii
3.	Mukaddimah	iii
4.	Rojekan	iv
5.	AMINAH BINTI MUHAMMAD Melawan MUSTAPHA B. ABDUL SALAM HASSAN (Tuntutan diberhentikan nafkah kerana isteri derhaka).	1 - 5
6.	AHMAD AFENDI BIN MAHMUD FAHMI Melawan MAHMUD AFENDI FAHMI (Tuntutan nafkah anak yang masih belajar).	6 - 10
7.	MUNIRAH ABDUL NABI HUSNI Melawan AHMAD MUHAMAD SHAKBAN (Tuntutan nafkah edah semasa pertikaian edah).	11 - 19
8.	MUHAMMAD AFENDI FUAD BARDIS Melawan SITI HAKMAT SYED RAMADZAN (Tuntutan menyekat nafkah serta penafian anak).	20 - 24
9.	MASUROH ALI SALAMAH Melawan ABDUL MAJID JAADULLAH KHALIDI (Tuntutan membatalkan nafkah edah kerana berhenti haid).	25 - 28
10.	A'TIYAH MUHAMMAD JAUHAR Melawan IBRAHIM MUHAMMAD KHALIFAH (Tuntutan berhenti nafkah kerana derhaka).	29 - 34
11.	HANIN MUHAMMAD ABDUL WAHID ALFAZ Melawan ABDUL MUN'EM ABDUL WAHID (Tuntutan nafkah keatas suami miskin tapi bapanya kaya).	35 - 40

K A N D O N G A N

Bil	Tajok	Muka surat
12.	<p>ABDUL RAHIM MUHAMMAD ISMAIL Melawan ZAINAB MUHAMMAD (Tuntutan nafkah edah selepas mengadakan persetujuan).</p>	41 - 45
13.	<p>SITI SHAHIRAH Melawan SUAMI (Tuntutan nafkah isteri yang kurang siuman, dijaga oleh anaknya).</p>	46 - 55
14.	<p>JAWAHIR ISMAIL AHMAD Melawan ABDUL JALIL SOLEH (Tuntutan perintah taat dan menyediakan tempat tinggal).</p>	56 - 60
15.	<p>SHARI'EE ABDUL MUTTALIB Melawan FATIMAH SYED MUHAMMAD (Tuntutan nafkah isteri derhaka).</p>	61 - 73
16.	<p>AHMAD MUHAMMAD ALI Melawan GHALIAH AHMAD MUHAMMAD (Tuntutan berhenti nafkah setelah bersalin).</p>	74 - 76
17.	<p>BAPA Melawan DATO PEREMPUAN SEBELAH IBU (Tuntutan nafkah kanak-kanak dan penjagaannya semasa penjaganya berpenyakit berjangkit).</p>	77 - 85

AMINAH BT. MUHAMMAD

... YANG MERAYU

Melawan

MUSTAPHA BIN ABDULSALAM HASAN

... YANG KENA RAYU

Kes No: 872 Tahun 1935/1936

Dibicarakan pada Hari Khamis 23 Safar 1355 bersamaan

11 May, 1936.

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Mesir.

Dihadapan:

1. Syeikh Muhammad Khalid Najji (Hakim)
2. Syeikh Ahmad Eiadah (P. Hakim)
3. Mustapha Riha (P. Hakim)

ISU:

NAFKAH - MENYEKAT DARI MENUNTUT NAFKAH KERANA DERHAKA
TIDAK TERLAKSANA PERINTAH TAAT - TIADA ISTERI SEMASA
PERLAKSANAAN PERINTAH - HUKTI PERINTAH MAHKAMAH.

PRINSIP UNDANG-UNDANG:

1. Dengan semata-mata keluar hukuman perintah taat keatas seorang isteri tidak boleh disabit durhaka, selagi siisteri tidak dipujuk atau diajak sedaya upaya kembali kerumah yang ditentukan.
2. Dengan tidak berada isteri dirumah, tempat yang tinggalnya semasa perintah berkuatkuasa boleh

dianggap dia telah lari untuk mengilak daripada hukuman kecuali ianya dapat membuktikan sebab-sebab yang terpaksa ia berbuat demikian.

3. Dengan keluarnya notis penahanan menunjukkan keadaan rumah tidak sempurna, sedangkan rumah adalah perkara asas dalam kehidupan suami isteri.

FAKTA KES:

1. Yang Kena Rayu telah membuat tuntutan di Mahkamah supaya Yang Merayu diberhentikan daripada menerima nafkah diri dan pakaian daripada Yang Kena Rayu, kerana Yang Merayu dituduh derhaka (نشور).
2. Yang Kena Rayu telah membuat tuntutan ke Mahkamah pada 9 Julai 1935 Kes Mal No. 1230/1934/1935 kerana derhaka, iaitu isteri tidak mematuhi perintah Mahkamah yang dikeluarkan pada 21 September, 1935 Kes Mal No. 1240/1935/1935, Keputusan tersebut berkuat kuasa mulai 22 September, 1935.
3. Mahkamah yang bersidang pada 18 Januari, 1936 telah memutuskan Yang Menuntut (isteri) tidak boleh lagi menerima nafkah diri dan pakaian; perintah ini dikuatkuasa mulai 22 September, 1935: kedua-dua pihak hadir.
4. Mahkamah tersebut telah berpegang kepada prinsip Undang-undang iaitu; mana-mana isteri yang derhaka tidak wajib diberi nafkah, kecuali ianya kembali

- taat semula kepada suaminya. Dan dalam Kes Mal di atas Mahkamah berpendapat bahawa isteri derhaka mulai 22 September, 1935 yang menyebabkan Mahkamah telah memerintah taat dan tidak ada bantahan.
5. Diatas keputusan tersebut Yang Merayu (isteri) telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi supaya diulang bicara dan pohon supaya Mahkamah Tinggi; menerima rayuan - menerima jawapan berhubung dengan tempat tinggal tidak sempurna - membatalkan hukuman dahulu - mengenyahkan tuntutan Yang Kena Rayu yang menyebabkan Mahkamah mengeluarkan perintah. Dan pihak Kena Rayu pohon supaya Mahkamah mengukuhkan keputusan dahulu sebagaimana terdapat dalam perintah Mahkamah.
6. Mahkamah telah meminta Yang Merayu untuk kemukakan hujah-hujah untuk menyokong bantahannya, tapi hujahnya tidak kuat dan ternyata kelemahannya. Dan keputusan itu dibuat tapi yang merayu tidak membuat apa-apa tuntutan.

PENDAPAT MAHKAMAH DAN KEPUTUSANNYA:

Setelah memerhati dengan mengambil kira segala dokumen-dokumen, perbincangan-perbincangan, dan kenyataan-kenyataan dari kedua-dua belah pihak maka Mahkamah membuat keputusan sebagaimana berikut:-

1. Penyata rayuan telah diterima dan difailkan.
2. Pihak Yang Merayu telah mempertahankan tuntutan, tapi hujah-hujahnya lemah, dan tidak membuat apa-apa permohonan, maka hujah dan jawapannya terpaksa diketepikan.
3. Manakala Yang Kena Rayu telah kemukakan bukti derhaka (نشور) tapi buktinya tidak begitu jelas yang menunjukkan berlaku derhaka mulai 22 September, 1935 kerana Yang Kena Rayu (suami) tidak pernah memujuk atau memaksa supaya Yang Merayu (isteri) kembali semula kerumah yang diperintahkan, sehingga akhir bulan Disember 1935. Oleh itu dalam jangka tersebut tidak boleh disifatkan derhaka.
4. Kalau diperhati kepada perintah taat keatas Yang Merayu bertarikh 20 Disember, 1935 supaya Yang Merayu tinggal menetap dirumah: nampaknya Yang Merayu tidak tinggal menetap disitu semasa perintah berkuatkuasa. Maka perbuatan Yang Merayu seperti ini boleh dikatakan dia telah mengelak diri daripada perintah, tambahan pula Yang Merayu tidak pernah melapurkan kepada Mahkamah, sebab-sebab yang menasabah

kenapa dia terpaksa meninggalkan tempat tinggalnya sehingga 29 Mac 1936. Jadi dalam jangka masa ini boleh disifatkan Derhaka (نشور).

5. Tetapi memandangkan kepada surat perintah Mahkamah yang telah dikeluarkan pada 30 Mac 1936 menunjukkan bahawa tempat tinggal tidak begitu sesuai dan tidak menepati kehendak syarak, kerana tidak dilengkapi dengan alat-alat keperluan untuk kegunaan sebuah rumah-tangga. Jadi dalam keadaan begini jika Yang Merayu (isgeri) tidak mahu tinggal di rumah tersebut, tidak boleh dianggap derhaka.
6. Oleh sebab yang demikian Mahkamah memutuskan sebagaimana berikut:-
 1. Mahkamah menerima penyata rayuan.
 2. Isu tempat tinggal diketepikan kerana tidak sempurna.
 3. Hukuman untuk menyekat yang merayu dari menerima nafkah mulai 22 September 1935 hingga awal Disember 1935 dibatalkan.
 4. Dan hukuman memberhenti dari bayaran nafkah mulai 30 Mac 1936 juga dibatal.
 5. Dakwa derhaka diketepikan.
 6. Dan Mahkamah mengukuhkan hukuman untuk menyekat nafkah yang bermula dari 20 Disember 1935 hingga 29 Mac 1936.Keputusan dibuat dihadapan kedua-dua belah pihak.

AHMAD AFENDI BIN MAHMUD FAHAMI ... YANG MERAYU

Melawan

MAHMUD AFENDI FAHMI ... YANG KENA RAYU

Kes No. 1731 Tahun 1935/1936

Dibicarakan pada Hari Isnain 11 Rabiulawal, 1355H

bersamaan (awal Jun 1936M)

Didalam Mahkamah Tinggi Syariah Mesir.

Dihadapan:

1. Sheikh Mohamad Kholid Naji - Hakim
2. Sheikh Ali Jazar - P. Hakim
3. Ahmad Iyadah - P. Hakim

ISU:

NAFKAH KERABAT - PERMOHONAN UNTUK MENAMBAH - ALASAN-ALASAN
YANG TIDAK BOLEH MENYEKAT DARI MENERIMANYA.

PRINSIP UNDANG-UNDANG:

1. Dengan sebab menambah anak kepada orang yang sedang membayar nafkah tidak menghalang daripada dituntut nafkah tambahan.
2. Tidak boleh ditolak tuntutan nafkah seseorang pelajar walaupun dia terima makan tengahari disekolah, kerana keperluan seorang pelajar tidak terhad setakat makan minum sahaja. Malahan banyak lagi keperluan-keperluan lain seperti pakaian, kitab-kitab dan peralatan sekolah.

FAKTA KES:

1. Pada mulanya Yang Merayu telah buat tuntutan di-Mahkamah supaya Mahkamah membuat keputusan, memerintah keatas bapanya untuk menambah jumlah nafkah yang telah diputuskan oleh Mahkamah tersebut pada 16 November 1932, Kes No. 2283 Tahun 1931/1932. Maka Mahkamah telah memutuskan supaya Yang Kena Rayu membayar nafkah sebanyak 200 kurus tiap-tiap bulan, serta memerintah menanggung apa-apa perbelanjaan tambahan, juga Mahkamah membenarkan Yang Merayu berhutang bagi pihak bapa, kerana Yang Merayu adalah anaknya, hidupnya miskin, tidak ada pekerjaan dan masih belajar.
2. Selepas beberapa lama menerima nafkah; keperluan dan perbelanjaan yang merayu meningkat, menyebabkan nafkah \$200 kurus sebulan tidak menukupi, sedangkan kedudukan Yang Kena Rayu bertambah mewah hingga dapat membeli ladang-ladang dan bangunan - Dan berdasarkan kepada keadaan dan suasana diatas lahirnya tuntutan.
3. Mahkamah yang bersidang pada 20 April, 1936 telah memutuskan dengan menambah sebanyak 50 kurus lagi, menjadikan jumlah nafkah yg. berkuatkuasa mulai tarikh hari membuat keputusan (20 April, 1936) \$250.00. dan membenarkan pihak Menuntut berhutang.